

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

'Kuarantin di rumah lebih mudah'

Kuala Lumpur: Pesakit COVID-19 yang menjalani kuarantin di rumah menyifatkan langkah itu memudahkan mereka dari segi memperoleh keperluan, melakkan urusan harian dan mengurus masa berbanding tinggal di hospital.

Temu ramah *BH* dengan dua pesakit mendapati, keluarga sangat membantu dalam memberi sokongan moral dan menyediakan keperluan, selain peka langkah pencegahan yang perlu diambil bagi mengelak jangkitan.

Seorang pesakit, Norumihanith, 35, berkata suaminya sentiasa menyediakan keperluan harian termasuk makanan sejak beliau menjalani kuarantin di rumah keluarga mentua di Batu Caves, Selangor bermula 7 Januari lalu.

"Sepanjang kuarantin, saya tinggal di bilik tingkat atas rumah manakala suami, anak dan mentua di tingkat bawah.

"Kami tidak bersua muka sejak seminggu lalu. Setiap kali waktu makan, suami akan menghantar makanan di hadapan pintu.

"Rakan juga sering bertanya khabar dan selalu membuat penghantaran makanan kepada saya, sebagai tanda ingatan, sekali gus memberikan saya semangat," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dilaporkan berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) menetapkan pesakit COVID-19 Tahap Satu dan Dua menjalani rawatan serta kuarantin di rumah dengan pema-

ntuan ketat petugas kesihatan bermula 1 Januari lalu.

Bagaimanapun, pesakit bergejala akan dirawat di hospital dan menjalani proses pemantauan seperti biasa.

Menceritakan pengalaman diuji positif, Norumihanith yang juga seorang guru tadika berkata, awalnya cuma mengalami simptom seperti letih dan hilang deria bau serta rasa.

"Saya fikirkan tidak ada apa-apa namun selepas berlarian, majikan meminta saya membuat ujian saringan dan pemeriksaan di klinik swasta mendapati saya positif COVID-19.

"Saya ke klinik kesihatan untuk menjalani ujian saringan lagi bagi tujuan pengesahan. Sehingga hari ini, saya belum mendapat keputusan, namun saya mengambil inisiatif menjalankan kuarantin sendiri," katanya.

"Kuarantin di rumah ini lebih baik kerana saya boleh menguruskan masa dan mengambil makanan tambahan," katanya.

Seorang lagi pesakit yang hanya mahu dikenali sebagai Zamir, 40, dikesan positif pada 8 Januari lalu hasil ujian saringan di sebuah hospital swasta pada 5 Januari, selepas dua rakan sepejabatnya dijangkiti virus itu.

"Saya terus menjalani kuarantin sendiri di rumah. Mulanya saya terkejut kerana tidak mengalami apa-apa simptom.

"Ini hari kesembilan saya menjalani kuarantin dan belum dapat apa-apa panggilan daripada

pihak Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Katanya, proses kuarantin tidak sukar kerana hanya tinggal berdua dengan anak saudara yang didapati negatif virus itu.

"Saya duduk di bilik dan keluar jika mahu ke dapur untuk memasak serta mengambil makanan. Jika keluar bilik pun, saya dan anak saudara akan memakai pelitup muka.

Sementara itu, pesakit COVID-19 yang menjalani kuarantin di rumah perlu mempunyai sistem sokongan terutama daripada keluarga bagi memberi maklum balas kepada hospital atau Pejabat Kesihatan jika simptom dialami semakin teruk.

Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata sokongan keluarga dan komuniti penting kerana pesakit perlu bergantung kepada orang lain disebabkan tidak boleh keluar rumah sepanjang dikuarantin antara 10 hingga 14 hari.

"Saringan perlu dibuat ke atas pesakit bagi mengenal pasti risikonya sebelum diarah dikuarantin di rumah.

"Ia bagi mengelak keadaan melarat dan menjangkiti anggota lain yang duduk serumah, terutama golongan berusia dan mempunyai komorbiditi," katanya kepada *BH*, semalam.

Dr Sharifa Ezat berkata, di beberapa negara maju, mereka yang dikuarantin di rumah dibantu dengan sistem teknologi komunika-

si (IT) di telefon bimbit atau Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi mengawasi pergerakan.

"Sistem ini belum digunakan di negara ini, justeru ia terpulang kepada kejujuran masing-masing.

"Penerangan dan pendidikan kesihatan harus diberikan kepada keluarga pesakit untuk memastikan mereka memahami risiko dan carta alir jagaan," katanya.

Dalam keadaan tertentu, katanya, ada pesakit sihat dan tiada simptom tidak sesuai menjalani pengasingan di rumah kerana faktor saiz rumah kecil serta bilangan ahli rumah yang ramai.

Katanya, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) yang tiada sokongan keluarga perlu menjalani rawatan di pusat kuarantin.

Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Aidalina Mahmud, berkata ahli keluarga tidak perlu takut atau risau menjaga ahli keluarga yang dijangkiti COVID-19.

"Mereka cuma perlu mematuhi arahan KKM cara menjaga ahli keluarga yang dikuarantin.

"Pesakit dan keluarga perlu saling memberi sokongan moral kerana pesakit memang mengalami tekanan manakala yang menjaga mungkin berdepan masalah sama.

"Semua pihak perlu positif dan bersabar. Tempoh kuarantin itu bukan lama, hanya dua minggu," katanya.

TAHAP JANGKITAN COVID-19

TAHAP 1:

TIDAK BERGEJALA

Tiada sebarang gejala atau tanda. Tiada batuk, selesema atau demam, kelihatan normal seperti orang lain tetapi positif saringan COVID-19.



TAHAP 2:

BERGEJALA TANPA RADANG PARU-PARU

Ada simptom atau gejala ringan seperti demam, batuk dan selesema tetapi tiada masalah berkaitan radang paru-paru.



TAHAP 3:

BERGEJALA DENGAN RADANG PARU-PARU

Masih menunjukkan gejala COVID-19, ditambah munculnya masalah berkaitan radang paru-paru.



TAHAP 4:

BERGEJALA, MEMPUYAI RADANG PARU-PARU DAN MEMERLUKAN BANTUAN OKSIGEN

Memiliki gejala dan radang paru-paru seperti Tahap 3, tetapi kini memerlukan bantuan oksigen untuk bernafas.



TAHAP 5:

PESAKIT KRITIKAL DENGAN MASALAH PADA PELBAGAI ORGAN

Pesakit berada pada tahap jangkitan kritikal, banyak organ lain dalam tubuh mula terjejas dan kritikal akibat jangkitan virus.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM perlu 4 minggu turun kes harian di bawah 1,000

2,985 lagi positif, empat kematian, tiga kluster baharu dikesan semalam

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sekurang-kurangnya empat minggu diperlukan bagi kes COVID-19 di negara ini dapat diturunkan kepada purata 1,000 kes sehari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya berharap jumlah kes dapat dikurangkan kepada 500 dalam tempoh berkenaan bagi membolehkan kemudahan kesihatan tempatan menampung dan merawat pesakit COVID-19.

Dalam tempoh dua minggu akan datang, katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) akan melihat data jangkitan COVID-19 untuk mengetahui sama ada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula semalam, dapat mengurangkan jumlah jangkitan baharu.

"Kita melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 14 Oktober sehingga kini. PKPB mungkin tidak sesuai jadi kita buat PKP sama ada dalam tempoh dua minggu atau kalau perlu maksimum empat minggu.

"Kita tidak mahu PKP dilanjutkan kerana ada impak kepada ekonomi, tetapi kalau kita semua boleh duduk di rumah dalam tempoh dua minggu ini, Insya-Allah kita boleh putus rantai jangkitan COVID-19.

"Dari dulu lagi kita katakan, kalau setiap rakyat Malaysia patuh kepada prosedur operasi

standard (SOP) kita boleh putus rantai COVID-19 dalam negara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berpendapat, tempoh dua minggu PKP tidak membolehkan KKM mengurangkan kes harian, namun berupaya mengelak pertambahan kes.

Katanya, tempoh empat minggu dijangka boleh mengurangkan kes ke 1,000 atau jika boleh sehingga 500 sehari.

"Selepas PKP, kita laksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), manakala pada Mei dan Jun kita jangka dapat melandaikan lengkung jangkitan," katanya.

Beliau berkata, masih terlalu awal untuk KKM membuat unjuran menjelang April, namun pihaknya berpendapat Malaysia berada di landasan yang betul, selain mengharap rakyat mematuhi SOP ditetapkan.

Sementara itu, sebanyak 2,985 kes positif baharu COVID-19 direkodkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan kepada 144,518 kes.

Dr Noor Hisham berkata, 2,983 daripada kes harian semalam membolehkan jangkitan tempatan dan dua kes import, manakala kes aktif dengan kebolehan jangkitan adalah 32,377 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 837 kes (28.0 peratus) dan daripada jumlah ini, 605 kes (72.3 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19.

"Ini diikuti Johor dengan 535 kes baharu (17.9 peratus) dan Sabah iaitu 450 kes (15.1 peratus).

"Sebanyak 296 kes (9.9 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster dalam lokap, depoh tahanan imigrasi dan penjara.

"Antaranya Kluster Tembok Choh (161 kes), Kluster Tembok Mempaga (110 kes), Kluster



Kita tidak mahu PKP dilanjutkan kerana ada impak kepada ekonomi, tetapi kalau kita semua boleh duduk di rumah dalam tempoh dua minggu ini, Insya-Allah kita boleh putus rantai jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Penjara Jalan Harapan (20 kes), Kluster Pagar Siput (dua kes), Kluster Tembok Gajah (satu kes), Kluster Telok Mas (satu kes), dan Kluster Pagar Bentong (satu kes)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, negeri lain yang mencatat pertambahan kes semalam ialah Kuala Lumpur dengan 289 kes, Sarawak (166), Pahang (143), Negeri Sembilan (106), Pulau Pinang (105), Kedah (97), Kelantan (85), Melaka (72), Perak (61), Terengganu (27) dan Putrajaya (11).

Katanya, sebanyak 197 kes positif COVID-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan

79 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), sebanyak 944 kes pulih sepenuhnya, menjadikan jumlah kumulatif 111,578 kes atau 77.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Beliau berkata, empat kes kematian dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kepada 563 kes bersama 0.39 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, tiga kes dilaporkan di Sabah dan satu kes di Johor.

Dr Noor Hisham berkata, KKM mengesan 11 kluster baharu COVID-19 semalam, hasil saringan individu bergejala, tempat kerja dan aktiviti keramaian.

Katanya, tiga kluster dikesan di Johor, dua kluster masing-masing di Selangor dan Kuala Lumpur manakala satu kluster di Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka.

Beliau berkata, saringan di tempat kerja seperti kilang dan syarikat pengawal keselamatan membolehkan Kluster Taman Integrasi (Selangor), Kluster Jalan Ijuk (Selangor), Kluster Jalan Rami (Johor), Kluster Tanjung Megah (Johor), Kluster Jalan Kasturi (Kuala Lumpur) dan Kluster Jalan Thamby (Kuala Lumpur).

"Kluster saringan individu bergejala ialah Kluster Kota di Johor, Kluster Bukit Bakar (Kelantan) dan Kluster Dialisis Malam (Melaka)," katanya.

Beliau berkata, ada juga kluster yang dikesan hasil saringan di pasar raya membolehkan Kluster Taman Batik di Kedah dan majlis perkahwinan di Seremban, Negeri Sembilan iaitu Kluster Kampung Tengah.

"Nama kluster merujuk kepada lokasi penganjuran majlis berkenaan dan sehingga kini seramai 20 kes disahkan positif COVID-19," katanya.

Rakyat diminta bersatu perangi wabak

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, meminta rakyat negara ini bersatu menentang COVID-19.

"Ketika krisis dan perang, seluruh negara mesti bersama-sama bersatu menentang musuh bersama," katanya melalui ciapan di Twitter, semalam.

Beliau turut memetik laporan sebuah portal berita berhu-

bung kenyataan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, yang menyambut baik pengisytiharan darurat berikutan wabak COVID-19 di negara ini.

Selain sah dari segi perundangan dan perubahan, Sri Ram menegaskan ia boleh dilaksanakan tahun lalu ketika pertama kali dicadangkan.

Bekas hakim itu tidak bersetuju Perintah Kawalan Per-

gerakan (PKP) memadai untuk memerangi COVID-19 dan menjelaskan ia hanya akan berkesan jika disertai dengan pelaksanaan darurat.

Katanya, pengalaman sebelum ini membuktikan tidak mudah mengawal pergerakan rakyat dalam usaha meminimumkan penyebaran virus.

Kelmarin, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah

Shah, memperkenalkan tempoh pelaksanaan darurat hingga 1 Ogos 2021 atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan.

Sehingga kelmarin, Malaysia merekodkan 141,533 kes COVID-19, dengan 559 kes kematian, dengan jumlah kes jangkitan baharu tertinggi turut dicatatkan iaitu 3,309 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19



JALAN Ampang lengang tanpa kenderaan hari pertama PKP.

Kuala Lumpur: Hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semalam mencatatkan 2,985 kes baharu dan empat kematian baharu direkodkan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 144,518 kes dengan kebolehhangkitan pula sebanyak 32,377 kes.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Co-

vid-19 sebanyak 994 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 111,578 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat dua kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula adalah 2,983 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 837 kes. Daripada jumlah ini, sebanyak 605 kes daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan," katanya.

Landaikan lengkung jangkitan Mei ini

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan dapat melandaikan lengkung jangkitan Covid-19 pada Mei ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia dapat dilaksanakan jika rakyat mengamalkan prosedur

operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk duduk di rumah jika tidak mempunyai sebarang urusan.

"Setakat ini masih terlalu awal untuk melihat unjuran kes bagi bulan April dan Mei, tetapi kita ada unjuran berkenaan.

"Apa yang penting kita berada di landasan yang betul dan kita harap kepatuhan terhadap SOP, jika boleh

semua rakyat Malaysia berada di rumah, dengan kaedah ini kita harap dapat menurunkan graf semula.

"Jangkaan kita ialah mungkin dalam tempoh 12 minggu, tetapi kita akan laksanakan dalam dua minggu dahulu dan kita akan lihat perkembangan, jangkaan kita pada Mei ini kita boleh melandaikan kes dan jangkitan dalam negara

kita," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes positif yang dicatatkan semalam melebihi unjuran kes iaitu nilai R atau R-Naught, melebihi 1.1.

"Semalam kita mencatatkan peningkatan kes tertinggi, jika mengikut unjuran, jangkaan kita akan mencapai 3,000 kes adalah pada Februari," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kurangkan kes jangkitan kepada 1,000 sehari **Sasar 4 minggu PKP**

Oleh **NOR IDAYU BOSRA**
 dan **SITI A'ISYAH SUKAIMI**

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memberibayangkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula semalam mungkin dilanjutkan untuk tempoh maksimum empat minggu dengan mengambil kira impak terhadap sektor ekonomi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bagaimanapun, keputusan sama ada PKP disambung atau tidak bergantung kepada pelaporan data kes harian dan perkembangan kes Covid-19 dalam tempoh dua minggu ini.

Beliau berkata, tempoh empat minggu PKP dilihat cukup untuk membolehkan kes jangkitan Covid-19 dalam negara diturunkan kepada angka 1,000 kes sehari.

“Pada hemat saya, kita mungkin tidak boleh kurangkan kes dalam tempoh dua minggu pelaksanaan PKP ini, namun kita boleh elak kes baharu daripada bertambah.

“Kalau kita laksana (PKP) empat minggu, Insha-Allah kita boleh kurangkan kes kepada 1,000 dan yang penting, kita harap kes akan terus dapat dikurangkan kepada 500 supaya hospital ada kemampuan menampung kes-kes itu,” katanya pada sidang akhbar semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, KKM menjangkakan lekuk jangkitan Covid-19 dapat dilandaikan seawal-awalnya pada Mei depan menerusi pelaksanaan PKP dan PKP Bersyarat yang sedang dikuatkuasakan ketika ini.

“Melalui kaedah ini, kita harap boleh melandaikan graf dalam jangkaan mungkin 12 minggu, tetapi kita tengok perkembangan dalam masa dua minggu ini dahulu.

“Negara sudah berada di landasan yang betul. Berdasarkan



KKM menasaskan untuk mengurangkan kes jangkitan daripada 1,000 kepada 500 kes sehari dalam tempoh empat minggu. – GAMBAR HIASAN



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	2,985
Import: 2 Tempatan: 2,983	
• Pulih	994
• Kematian	4
• Masih dirawat	32,377
• Jumlah kes sembuh	111,578
• Jumlah Kematian	563
Jumlah kes keseluruhan	144,518

jangkaan KKM, lekuk jangkitan Covid-19 dalam negara mungkin boleh dilandaikan di antara Mei hingga Jun depan,”katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, sebanyak 11 kluster baharu dilaporkan semalam melibatkan kluster majlis perkahwinan dan tempat kerja, sekali

gus penyumbang kepada kes harian negara yang mencatatkan sebanyak 2,985 kes.

Setakat ini, sebanyak 71 kluster direkodkan.

Menurutnya, daripada jumlah 2,985 kes itu, tiga negeri yang dikenakan PKP merekodkan angka baharu tertinggi, didahului Selangor sebanyak 837 kes, diikuti Johor (535 kes) dan Sabah (450 kes).

Sebanyak 296 kes berkaitan kluster di lokap dan depot tahanan imigresen.

“Kluster Kampung Tengah di Seremban, Negeri Sembilan iaitu sebuah majlis perkahwinan dengan kes indeks bergejala dan 20 kes dikesan dalam kluster ini, manakala nama kluster merujuk lokasi penganjuran majlis di Kampung Tengah, Mantin Dalam, Mantin, Seremban,” ujarnya.

Menurutnya, terdapat empat kematian baharu di Sabah dan Johor melibatkan tiga lelaki dan seorang remaja wanita berusia antara 19 hingga 63 tahun, menjadikan jumlah kes kematian di Malaysia sebanyak 563 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Empat minggu nak kurangkan kes

Tempoh dua minggu PKP dilihat tidak memadai kurangkan jangkitan Covid-19

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Sekurang-kurangnya empat minggu diperlukan bagi mengurangkan bilangan jangkitan Covid-19 di negara ini kepada bawah 1,000 kes baharu sehari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-

lah berkata, tempoh dua minggu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak memadai untuk mengurangkan jangkitan tersebut.

"Pada hemat saya, dalam tempoh dua minggu kita tidak boleh mengurangkan namun boleh mengelakkan kes semakin bertambah," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini pada Rabu.

Beliau berkata, berdasarkan unjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), lengkungan dapat dilandaikan pada Mei depan.

"Selepas PKP, kita laksanakan PKP Bersyarat (PKPB) dan dalam Mei atau Jun, kita dapat melandaikan lengkungan jangki-

tan tersebut dengan kes dapat dikurangkan lagi sehingga 500 kes setiap hari," katanya.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan PKP bermula Rabu, negara berada dalam landasan yang betul.

Sementara itu, mengulas mengenai varian B.1.1.7 yang dikesan di United Kingdom (UK) dan disahkan terdapat satu kes di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini pesakit berkenaan tidak mempunyai kontak rapat.

"Ini kerana pesakit itu baru pulang dari UK dan menjalani kuarantin sebelum disahkan positif Covid-19.

"Pesakit berusia 22 tahun itu telah dibenarkan pulang," katanya.

11 kluster baharu dikesan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 11 lagi kluster baharu Covid-19 pada Rabu termasuk melibatkan kluster di sebuah pusat dialisis di Melaka dan peng-anjuran majlis perkahwinan di Negeri Sembilan.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-lah berkata, sembilan kluster lain dikesan masing-masing dua di Selangor dan Kuala Lumpur, tiga di Johor dan masing-masing satu di Kelantan dan Kedah.

Beliau berkata, kluster di Melaka iaitu Kluster Dialisis Ma-lim dikesan di daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah melibatkan kes indeks (kes ke-130,982) yang dilaporkan positif pada 8 Januari hasil saringan individu bergejala.

Di Negeri Sembilan, Kluster Kampung Tengah membabitkan majlis perkahwinan di Seremban melibatkan kes indeks (kes ke-127,016) dilaporkan positif Covid-19 pada 7 Januari.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 13 Januari 2021

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 141,533 kes kepada 144,518 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	144,518	PULIH:	111,578	ICU:	197	KEMATIAN:	563	KES BAHARU:	+2,985
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-----	-------------	--------



PKPP

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Varian B.1.1.7 lebih mudah menular

Berikutan perubahan genetik pada virus penyebab Covid-19

Oleh LIZA MOKHTAR

SHAH ALAM



DR SAZALY



DR ROHAIZAT

Pakar kesihatan mendedahkan mutasi virus Covid-19 dari United Kingdom (UK) dikenali sebagai varian B.1.1.7 lebih cepat berkembang biak di dalam badan individu yang dijangkiti.

Pakar virologi, Profesor Dr Sazaly Abu Bakar berkata, varian B.1.1.7 lebih cepat merebak berikutan perubahan genetik pada virus penyebab Covid-19.

"Perubahan genetik menyebabkan pertukaran asid amino kepada protein yang akan bergabung dengan tapak pada sel hos (orang

yang dijangkiti).

"Ini membolehkan virus dengan lebih mudah memasuki sel dan membiak dengan banyak.

"Jutaan virus ini kemudiannya diluahkan ke dalam cecair rembesan pesakit yang menularkan virus seterusnya melalui batuk atau percakapan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Namun, Dr Sazaly yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) Universiti Malaya (UM) berkata, pada ketika ini tiada bukti yang menunjukkan varian B.1.1.7 lebih berbahaya daripada virus yang asal.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Isnin mengesahkan telah mengesan satu kes Covid-19 varian B.1.1.7 yang sebelum ini dilaporkan di negara-negara termasuk UK, Belanda, Singapura, Turki, Filipina dan India.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham

Abdullah, kes tersebut telah dikesan daripada seorang pengembara yang mempunyai sejarah perjalanan ke UK pada Disember 2020.

Sementara itu, mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM, Datuk Dr Rohaizat Yon menegaskan, pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) kesihatan adalah kunci utama mengawal penularan Covid-19 tanpa mengira jenis varian.

"Berhubung varian B.1.1.7 yang mempunyai kadar jangkitan yang cepat, apa yang perlu dan penting untuk dilakukan oleh rakyat adalah mematuhi SOP.

"Semua pengembara dari luar negara akan menjalani kuarantin dan rakyat atau masyarakat juga wajib terus mematuhi SOP.

"Selagi tidak menerima vaksin seperti dijanjikan, kita hanya ada tiga 'vaksin' iaitu penjarakkan fizikal satu meter, pemakaian pelitup muka dan kerap mencuci tangan," kata Dr Rohaizat.

Tegasnya, akibat tidak mema-

tui sepenuhnya SOP sedia ada, maka Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terpaksa dilaksanakan bagi mengawal situasi yang semakin membimbangkan.

Dr Rohaizat yang bersara kali kedua pada 31 Disember lalu berkata, sejak bermulanya gelombang ketiga sekitar bulan September tahun lalu, kes harian Covid-19 mengalami peningkatan ketara sehingga mencecah empat angka bermula bulan Oktober.

"Kalau kita melihat ramalan Institute for Health Metrics and Evaluation (IHME) Amerika Syarikat, pada bulan Februari kita akan mencatatkan 5,000 kes baharu setiap hari," katanya.


Tambahnya, terdapat empat kategori utama yang perlu diberi perhatian dalam memastikan jangkitan tidak terus berleluasa.

Pertama, kumpulan pekerja; kedua, kumpulan orang kena tahan seperti di penjara; ketiga kumpulan pendatang asing tanpa izin dan keempat, komuniti.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI



PKP 4 minggu mampu turun 1,000 kes

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
dan **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Langkah kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diyakini berada di landasan betul dalam usaha melandaikan lekuk jangkitan Covid-19 walaupun jangkitan itu hanya berlaku dalam tempoh 12 minggu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya akan melihat perkembangan dalam tempoh dua minggu pelaksanaan perintah itu yang sekurang-kurangnya mampu mengelak pertambahan kes.

Bagaimanapun, katanya, hanya pelaksanaan PKP selama empat minggu mampu menurunkan kepada 1,000 kes positif atau sekurang-kurangnya 500 kes bagi membolehkan fasiliti

kesihatan negara mampu menampung kes positif Covid-19.

"Kalau selepas PKP, kita laksanakan PKP Bersyarat (PKPB) pula. Kita menjangkakan dalam bulan Mei atau Jun boleh melandaikan lekuk jangkitan semula, namun ia memerlukan kerjasama padu semua pihak dalam memutuskan rantaian wabak ini," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Dalam perkembangan kes baharu positif semalam, kata beliau, Malaysia terus merekodkan kes empat angka iaitu 2,985 kes yang menjadikan jumlah keseluruhan kes positif negara sebanyak 144,518 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebole-hjangkitan pula adalah 32,377 kes.

Terdapat pula 197 kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 79 kes memerlukan bantuan peri-



ANGGOTA keselamatan berkawal di sekatan jalan raya di sempadan Kedah-Pulau Pinang berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula semalam sehingga 26 Januari ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

nafasan serta empat kematian dan 11 kluster.

Beliau berkata, Selangor masih menjadi negeri tertinggi merekodkan kes positif baharu iaitu 837 kes, diikuti Johor, 535 kes; Sabah, 450 kes; Kuala Lumpur, 289 kes; Sarawak, 166 kes, Pahang 143

kes, Pulau Pinang, 105 kes; Negeri Sembilan, 106 kes.

Katanya, baki negeri lain pula merekodkan purata kes dua angka kecuali Perlis, satu kes manakala Labuan, tiada kes.

"Bagi kes sembuh pula, Malaysia merekodkan sebanyak


994 kes dan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya sebanyak 111,578 kes.

"Sebanyak 270 kluster aktif sedang dipantau dan daripada jumlah itu, sebanyak 71 kluster melaporkan pertambahan kes hari ini. Kluster-kluster yang

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19



melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Tembok Choh (161 kes), Kluster Tembok Mempaga (110 kes), dan Kluster Jalan Rami (109 kes)," katanya.

Mengenai 11 kluster baharu, Dr. Noor Hisham berkata, lapan kluster berkaitan tempat kerja dikesan iaitu Kluster Taman Integrasi melibatkan Gombak, Selangor, 250 individu disaring, di mana 119 kes positif dan Kluster Jalan Ijuk melibatkan Petaling, Kuala Langat, Sepang, Klang dan Hulu Langat, Selangor, seramai 262 individu disaring, di mana 99 kes positif.

"Kluster Jalan Rami melibatkan Muar, Johor, seramai 241 individu disaring, di mana 112 kes positif serta Kluster Kota melibatkan Kota Tinggi, Johor, seramai 397 individu disaring, di mana 57 kes positif dan Kluster Tanjung Megah melibatkan Pontian, Johor, seramai 183 individu disaring, di mana 12 kes positif.

"Kluster Jalan Kasturi melibatkan Lembah Pantai dan Kepong, Kuala Lumpur, seramai 61 individu disaring, di mana 16 kes positif serta Kluster Jalan Thamby melibatkan Lembah Pantai, Kuala Lumpur, seramai 45 individu disaring, di mana 23 kes positif dan Kluster Taman Batik melibatkan Kuala Muda dan Baling, Kedah, seramai 11 individu disaring, di mana sembilan kes positif," katanya.

Johor Bahru sunyi, pusat beli-belah lengang

JOHORBAHRU: Kesibukan trafik yang selalunya disebabkan kenderaan bertali arus melalui jalan-jalan utama di bandar raya ini tidak lagi kelihatan sejak awal pagi selepas hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, hanya restoran yang menjadi tumpuan beberapa pengunjung untuk membungkus lauk-pauk manakala premis perniagaan lain ditutup.

Keadaan sunyi dan lengang turut menyelubungi Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Tun Abdul Razak yang menempatkan dua buah pusat beli-belah serta Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

Sementara itu, seorang pengusaha pusat kecergasan di Taman Daya, Amin Razak, 33, turut akur untuk menutup operasi perniagaannya selama 14 hari bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Sebelum PKP dilaksanakan pun, kami sudah terjejas apabila pelanggan warga asing yang bekerja di sekitar sini tidak dapat hadir bersukan kerana mematuhi kawalan yang dikuat-



KOMPLEKS beli-belah Paradigm Mall lengang berikutan PKP di Johor bermula semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

kuasakan kerajaan, tak tahu macam mana pula selepas ini," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pemilik Restoran G'Sinar, Azizan Che Harun, 39, berkata, dia hanya membuka perniagaan sehingga pukul 8 malam bagi perkhidmatan membungkus atau penghantaran kepada pelanggan.

"Sama seperti PKP pertama

dahulu, kami hanya menjalankan perniagaan untuk membungkus, jadi PKP kali ini kami lebih bersedia untuk melancarkan operasi agar setiap pesanan pelanggan dapat disediakan dengan baik," ujarnya.

Pengasas Butik Rya Sophia Couture, Zuraidah Mohamed, 40, berkata, dia juga terpaksa menutup operasi butiknya di Kompleks Tun Abdul Razak

(Komtar) di Johor Bahru City Center (JBCC).

"Apabila kerajaan umum PKP di enam negeri termasuk Johor, kami terpaksa akur demi memutuskan penularan pandemik Covid-19 walaupun orang baru mula nak berbelanja selepas dapat i-Sinar. Namun, kami akan meneruskan perniagaan secara dalam talian," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

MINISTRY PROJECTION

'4-5 weeks to reduce cases to 500-1,000 daily'

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry is projecting it will take four to five weeks to reduce the daily cases of Covid-19 to between 500 and 1,000.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the reduction would enable health facilities to accommodate and treat Covid-19 patients.

"We hope to reduce the number of cases to 1,000 or 500 within four weeks and flatten the curve in May, provided the people continue to adhere to the standard operating procedures (SOP) during the Movement Control Order," he said yesterday.

On the use of intensive care units and ventilators, Dr Noor

Hisham said they had doubled, compared with last month. He said Sungai Buloh Hospital still had the capacity, but faced a manpower shortage.

He said the ICU there was at full capacity with the manpower that the hospital had, but it could be expanded to have up to 110 beds.

He said the ministry was in talks with private hospitals to house Covid-19 and non-Covid-19 patients.

He said the ministry's concern was the increase in daily cases.

"If we have 3,000 cases daily, 10 per cent will be admitted to the hospital. Another 85 per cent in Categories 1 and 2, of those symptomatic and have mild symptoms, will be admitted to the Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre.

"Unfortunately, we cannot accommodate all cases."

He said the ministry was look-

ing at three options: home quarantine, hostels and hotels.

The country recorded 2,985 new cases yesterday, raising the total number to 144,518, with 32,377 active cases.

He said four patients had died, bringing the death toll to 563. The deaths were in Sabah (three) and Johor (one).

"There are 197 patients at the ICU, with 79 requiring breathing assistance." He said 994 patients had recovered, raising the total to 111,578.

Malaysia recorded another 11 new clusters, including six workplace clusters. The clusters were recorded in Selangor, Negri Sembilan, Johor, Kuala Lumpur, Kelantan, Melaka and Kedah.

Meanwhile, Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the supply of daily necessities in the country was sufficient.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

DG: Two weeks of MCO may not be enough to reduce cases

By JOSEPH KAOS Jr
and RASHVINJEET S. BEDI
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The two-week movement control order period may not be enough to see a reduction in Covid-19 cases, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The objective of the MCO is to bring down the number of cases and to improve the capacity at hospitals, which is currently overwhelmed with patients nationwide, he said.

"During these two weeks, we will be monitoring data to see whether we can reduce the number of cases.

"In my opinion, we probably won't be able to lower the number of cases. But we will be able to prevent the cases from increasing further.

"If the MCO is implemented for four weeks, we may be able to reduce the cases to below 1,000, and then 500," he told a press conference yesterday.

Dr Noor Hisham said a longer movement restriction could help to improve the capacity at the hospitals and provide better treatment to patients.

"Implementing the MCO, followed by the conditional MCO, we might be able to see the curve flatten in May or June," he said, adding that it is

important for now to reduce the load at hospitals.

Currently, there are 32,377 active Covid-19 cases in the country.

For the MCO to be a success, Dr Noor Hisham said it was vital for the people to cooperate and adhere to the standard operating procedures.

He urged Malaysians to stay home as much as possible, and to practice preventive measures such as washing hands and physical distancing.

"Most importantly, everyone has to come together to break the chain of infections," said Dr Noor Hisham.

The MCO has been implemented in Penang, Selangor, Melaka, Johor, Sabah and the Federal Territories of

Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan until Jan 26.

Yesterday, Malaysia recorded 2,985 new cases, bringing the country's tally to 144,518. Four more people died while 994 were discharged.

Currently, 197 patients are in intensive care, with 79 of them requiring ventilator support.

Selangor again recorded the highest increase with 837 new cases, followed by Johor with 535 and Sabah with 450.

Dr Noor Hisham said 11 new clusters were detected, most of them linked to workplaces and factories around the country.

There are now 270 active clusters

across Malaysia.

He also said the person who was detected with the potentially contagious B117 Covid-19 strain from the United Kingdom has been discharged.

The 22-year-old who came back from the UK did not have any close contact as the individual had been isolated upon arrival, Dr Noor Hisham said.

The strain has not been detected in others with a travelling history to the UK, he added.

The B117 strain was first detected in September in the UK and is believed to be more contagious than the original virus.